

# KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA NAIB CANSOLOR UniMAP 2011

Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP 2011 telah berlangsung dengan jayanya pada 21 hingga 23 Januari 2011 bertempat di Dewan Harumanis, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Pauh, Perlis. Kejohanan ini telah dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis dengan kerjasama Persatuan Sepak Takraw Perlis. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan iaitu Kategori Lelaki Terbuka, Kategori Belia Bawah 21 Tahun dan Kategori Khas.

Sebanyak 69 regu dari seluruh Semenanjung Malaysia telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini. Kejohanan ini juga turut dimeriahkan dengan aksi artis popular tanah air iaitu Din Maidin dan Idlan Raja Lawak. Objektif utama Kejohanan Sepak Takraw Piala Naib Canselor UniMAP ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru di kalangan para pelajar, staf serta melahirkan atlet-atlet yang berwibawa dan berpontensi pada masa hadapan. Di samping itu, ia bertujuan membantu pembangunan sukan ini dan secara tidak langsung meningkatkan mutu sukan Sepak Takraw di UniMAP secara khususnya mahupun negara secara amnya.

## KEPUTUSAN

<i>Bil</i>	<i>Kategori Terbuka</i>	<i>Pemenang</i>
1	Johan	TNB Selangor A
2	Naib Johan	Bukit Putra
3	Ke-3	MBPJ
4	Ke-4	JLC C

<i>Bil</i>	<i>Kategori Belia 21 Tahun</i>	<i>Pemenang</i>
1	Johan	Belia GASTEP B
2	Naib Johan	Belia Popular Profile
3	Ke-3	Belia UiTM Shah Alam
4	Ke-4	Belia GSTK B

<i>Bil</i>	<i>Kategori Khas</i>	<i>Pemenang</i>
1	Johan	KSTM B
2	Naib Johan	PSTPS
3	Ke-3	Artis Din Maidin
4	Ke-4	Veteran Perlis